

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HKA 101/NSK 001 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM ENAM [6] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Menurut M.H. Abrams Teori-Teori Sastera dapat dihuraikan dengan meneliti kecenderungan ahli-ahli teori di dalam menekankan unsur-unsur koordinat tertentu yang terdapat di dalam hasil-hasil sastera. Huraikan rumusan M.H. Abrams ini.
2. Dengan pemahaman anda tentang teori genre, jelaskan kedudukan genre umum puisi atau prosa di dalam kesusasteraan.

BAHAGIAN B

3. Karya Arena Wati Citra jelas meninggalkan kesan keterancangannya sehingga hilang gambaran realiti kehidupan masyarakat Melayu. Bincangkan pernyataan di atas.
4. Huraikan teknik-teknik pengolahan N.V.M. Gonzales di dalam Tuah Semusim nya mengenai kemiskinan petani Alag.

BAHAGIAN C

5. Cerpen-cerpen yang baik merupakan hasil dari adunan unsur-unsur bahasa, emosi dan hikmah yang diikat oleh unsur-unsur binaan yang mudah.

Huraikan bagaimana salah satu daripada karya-karya berikut menepati pernyataan di atas.

- [a] 'Dari Luar Kurungan' oleh Razak Mamat.
- [b] 'Pohon Doum Wad Hamid' oleh Tayeb Salih.
- [c] 'Zaabalawi' oleh Naguib Manfaouz.

6. Walaupun karya Nordin Hasan Sirih Bertepak Pinang Menari memberi kesan akhir bahawa ia adalah semata-mata satu lakonan, tetapi secara tersirat ia membawa amanat yang luas dan mendalam. Bincangkan.

BAHAGIAN D

7. [a] Pemahaman yang sepenuhnya terhadap sajak 'Pulang Si Tanggang (buat baha Zain)' karya Muhammad Haji Salleh (lihat Lampiran A) hanya dapat dicapai dengan menghidupkan kembali legenda 'Si Tanggang Anak Derhaka'. Jelaskan pernyataan di atas.
- [b] Berikan pandangan anda tentang stail pemuisian Muhammad Haji Salleh.
- [c] Dalam sajak 'Pulang Si Tanggang' Muhammad Hj. Salleh mengakhiri sajaknya dengan kata-kata 'kerana aku telah menemui diri'. Jelaskan sifat diri sebelum dan sesudah status penemuan diri ini.
8. Baca Lampiran B. Bandingan sajak 'Kapal Nuh' oleh Subagio Sastrowardojo dan 'Urir Char' oleh Abdul Hadi Muhammad dari aspek-aspek:
- [a] isi
 - [b] stail
 - [c] kesan.

LAMPIRAN A

PULANG SI TENGGANG
(buat baha zain)

i

jarak jasmani yang kutempuh ini
adalah perjalanan jiwa,
pemindahan diri dari tanahasal
ke negeri yang dikumpul oleh mata dan akal.
ilmu yang datang darinya
adalah ilmu pendatang
yang belajar melihat, berfikir
dan memilih di antara kenyataan
yang selalu berubah.

ii

benar aku pernah memarahi ibu atau nenekku,
tetapi hanya setelah berkali menceritakan keadaan
yang mereka tidak pun pernah coba memahami.
isteri yang mula kucintai di waktu kesepian,
di negeri yang terlalu mengasingkan,
telah mereka bawa ke prasangka.
aku tidak pulang sepenuhnya, aku tau,
aku telah dirobah waktu dan persekitaraan,
dikasarkan oleh kepayahan,
dianehkan oleh perpisahan.

iii

tapi lihat,
aku bawa pulang diriku
yang diperbesarkan oleh rasa percaya,
diluaskan oleh tanah dan bahasabahasa,
aku tidak takut lagi pada lautan
atau manusia yang berlainan,
tidak mudah ditipu oleh sesiapa,
dengan bicara atau idea.
perjalanan adalah guru setia,
yang tidak pernah malas memaknakan
kebudayaan atau kelainan.
lihat, aku seperti kau juga,
masih melayu
sensitif pada apa
yang kupercayai baik,
dan lebih sedia memahami
dari adik atau abangku
dan muatan kapal ini juga untukmu,
kerana aku pulang.

iv

perjalanan membuat aku pemilih,
pencari yang selalu tidak menerima
apa yang diberi tanpa kejujuran
atau yang meminta bayaran dari pribadi.
bertahun di lautan dan negeri pesisiran
aku telah belajar membeza
mengambil hanya yang teruji bandingan,
atau yang sesuai dengan kata-kata datukku,
yang membuat aku sering memikirkan
kampung dan kesempurnaannya.

v

aku sudah belajar
jadi kurang ajar,
memeluk kenyataan dengan logika baru,
berdebat dengan hujah-hujah pejal dan nyaring.
tapi juga
bersopansantun, menghormati
manusia dan kehidupan.

vi

aku bukan manusia baru,
tidak terlalu
berlainan darimu;
hanya penduduk dan kota
di pantai pantai pelabuhanku
meminta bahwa aku tidak
bermenung di depan suatu keasingan,
risau melihat kepayahan
atau takut kepada kemungkinan.
aku adalah kau
yang dibebaskan dari kampung,
tanah dan kebiasaan,
merdeka, kerana aku
telah menemui diri.

Muhammad Haji Salleh

LAMPIRAN B

KAPAL NUH

Sekali akan turun lagi
kapal Nuh di pelabuhan malam
tanpa kapten
hanya Suara jang berseru ke setiap hati:
,,Mari!"
Kita berangkat
berkelamin, laki-isteri,
untuk berbiak di tanah baru yang berseri,
juga mahluk jang merangkak
di darat dan di langit terbang
masuk sejodoh-sejodoh. Masing-masing
mendapat ruang
di haluan, di buritan, di timbaruang.
Kita semua. Sebab Kasih itu murah,
bahkan bunga, emas dan perak
itu batu mulia
yang memancarkan api rahmat
turut termuat.

Kalau bahtera mulai bertolak
dekat kita dengar bumi retak
Bumi, yang telah tua
oleh usia dan derita.

Subagio Sastrowardojo

URIR CHAR

badai yang dibaling-Nya ke darat ini berpusar
dengan petaka, benua bersembunyi tertulis kini
tintanya hitam mengidam air mata
Tuhan, Kabangunkan lautan mengkhabarkan
murka apakah
seluruh pekik terbenam di dasar raung
bumi tiba-tiba berkabung:
ada sentak terakhir di urir char!
dan nafas tergelapar di urir char!

mimpi berlambak pada kabut, gemuruh menyesak
nyawa yang hanyut, tenggelam, reput menghitam
daerah neraka basah ini melemas keluhan
memulas harapan
:hingga ingatan seluruh, mengetuk haluan bahtera
nuh

.../6

air merempuh dari lantai gelora menerpa lewat
jendela halilintar mencengkam jeritan;
seekor ular besar menjerut leher urir char
tangan menggapai kaki melonjak nafas terdesak
sang maut menebarkan jala rusuhnya dari
pendalaman perutnya; ular besar itu lagi
mengerat lingkar di rusuk urir char.

Abdul Hadi Muhamad

-oooOOoooo-